

BAB KELIMA

RUMUSAN KAJIAN

5.1 Pengenalan

Bab kelima akan merumuskan kajian yang telah dibincangkan di dalam bab-bab sebelumnya. Rumusan bab penting bagi menjawab permasalahan kajian selaras dengan objektif kajian yang telah dilakukan oleh penulis. Selain itu, beberapa cadangan dan saranan kepada pihak-pihak yang bertanggungjawab turut disediakan di akhir rumusan.

5.2 Rumusan

Hasil daripada kajian penyelidikan yang dilakukan, penulis merumuskan kajian seperti berikut:

- a) *Bone china* mengandungi campuran daripada abu tulang, *kaolin* dan *Cornish stone*.

Bone china berasal daripada perkataan Inggeris yang berasal dari singkatan '*bone*' dan '*china*'. '*Bone*' bermaksud tulang. '*China*' pula bermaksud barangan porselin atau tembikar. *Bone china* merupakan suatu istilah bagi peralatan pinggan mangkuk porselin yang dihasilkan daripada campuran tulang haiwan. Campuran tulang haiwan akan memberikan kualiti yang terbaik terhadap produk *bone china* yang dihasilkan berbanding pinggan mangkuk biasa. *Bone china* mempunyai ciri-ciri keistimewaan yang tersendiri. Antaranya sangat berkualiti kerana mempunyai tekstur permukaan yang baik,

sangat lut cahaya sekalipun tebal, berwarna sangat putih, tidak mudah pecah, sangat ringan dan mempunyai dekorasi yang sangat menarik. *Bone china* merupakan adunan yang terbaik di antara porselin pes keras dan porselin pes lembut.

Bone china dicipta oleh Josiah spode III pada kurun ke-18 di England. *Bone china* terkenal dengan istilah “*Fine Bone China*” atau “*English Bone China*”. Josiah spode III telah mengadunkan kandungan bahan *Cook-worthy* yang terdiri daripada campuran *Cornish stone* dan *China stone* dengan abu tulang haiwan sehingga berjaya menghasilkan *bone china*. *Bone china* kemudiannya menjadi barangan domestik di Eropah. *Bone china* pada peringkat asalnya dihasilkan daripada tulang lembu kerana tulang lembu adalah tulang yang paling sesuai digunakan dalam penghasilan jasad *bone china*. Penggunaan tulang lembu sangat sesuai kerana tulang lembu mempunyai kandungan iron yang rendah dan menghasilkan warna *bone china* yang sangat putih dan berkilau. Kini, *bone china* dihasilkan dengan menggunakan campuran semua tulang haiwan sama ada tulang kambing, tulang kuda dan sebagainya termasuklah tulang babi. Walau bagaimanapun, penggunaan tulang selain tulang lembu tidak sesuai digunakan kerana tekstur permukaan produk *bone china* kurang berkualiti, kurang berkilau dan warna yang terhasil tidak putih sepertimana penggunaan tulang lembu.

- b) Penghasilan *bone china* memerlukan tujuh proses pembuatan yang utama iaitu proses penyediaan produk *bone china*, proses campuran produk *bone china*, proses pembentukan produk *bone china*, proses pembakaran produk *bone china*, proses licau produk *bone china*, proses dekorasi produk *bone china* dan proses pemilihan dan pemasaran produk *bone china*.

Peringkat pertama ialah penghasilan *bone china* melalui proses penyediaan produk *bone china*. *Bone china* terdiri daripada campuran tiga bahan yang utama iaitu abu tulang haiwan sebanyak 50%, *kaolin* sebanyak 25% dan *Cornish stone* sebanyak 25% serta sedikit campuran *ball clay*. Formula yang diberikan oleh F.H.Norton menunjukkan kandungan bahan *bone china* terdiri daripada abu tulang sebanyak 40%, *kaolin* 13%, feldspar 15% dan flin 35% atau kuarza. Berdasarkan formula F.H.Norton ini terdapat perbezaan formula yang diberikan oleh F.H.Norton dengan formula asal. Namun begitu, formula ini berbeza pada sumber bahan yang digunakan tetapi bahan asas adalah sama. Bahan asas yang biasanya digunakan adalah *Cornish stone*. *Cornish stone* terdiri daripada feldspar dan beberapa hablur yang lain. Manakala F.H.Norton pula menggunakan sebatian feldspar dan flin. Hakikatnya, tiada perbezaan yang wujud antara bahan asas yang digunakan dalam penghasilan *bone china*.

Abu tulang yang digunakan bertindak sebagai fluks dalam jasad *bone china*. Fluks berfungsi untuk meningkatkan pembentukan kaca dan bertindak balas dengan *kaolin* dan *Cornish stone* semasa proses pembakaran. *Kaolin* pula digunakan bagi memudahkan proses pembentukan jasad *bone china*. Penggunaan abu tulang dalam kuantiti yang banyak menyebabkan adunan *bone china* kurang plastik dan menyukarkan jasad *bone china* dibentuk. Penggunaan *kaolin* sangat sesuai digunakan kerana sifat semulajadi *kaolin* sangat halus dan licin sekalipun *kaolin* bersifat kurang plastik berbanding tanah liat biasa. *Cornish stone* turut diadun bersama dalam pembuatan *bone china*. *Cornish stone* mempunyai pelbagai lapisan warna, tetapi hanya warna ungu lembut atau putih sahaja yang sesuai digunakan. Hal ini kerana *Cornish stone* mengandungi kandungan feldspar yang rendah. Kandungan feldspar yang terkandung di dalam *Cornish stone* mengurangkan risiko keretakan dan memudahkan proses pembentukan ke atas jasad *bone china*.

Peringkat kedua penghasilam *bone china* adalah proses campuran produk *bone china*. Ketiga-tiga bahan asas *bone china* iaitu abu tulang, *kaolin* dan *Cornish stone*

dimasukkan ke dalam mesin *ball mill*. Mesin *ball mill* berfungsi untuk mengisar ketiga bahan ini untuk mendapatkan saiz partikel-partikel yang halus. Setelah itu, adunan ini akan dimasukkan ke dalam mesin *blunger*. Mesin *blunger* pula akan mengadun adunan *bone china* dan menggaul adunan campuran tanah liat tersebut untuk mendapatkan kualiti yang baik. Kemudian, adunan *bone china* dimasukkan ke dalam mesin *fiter pressing*. *Fiter pressing* berfungsi untuk membuang lebihan air daripada adunan. Tekanan akan diberikan ke atas adunan *bone china* dengan tujuan mengeluarkan air yang berlebihan sehingga menghasilkan kepingan kek tanah liat. Setelah itu, adunan tersebut dimasukkan ke dalam mesin *pug mill* bagi mengeluarkan udara yang terperangkap dan memadatkan tanah liat *bone china* sehingga menghasilkan blok tanah liat *bone china*.

Peringkat ketiga adalah proses pembentukan produk *bone china*. Proses pembentukan *bone china* dibentuk menggunakan dua kaedah iaitu menggunakan teknik pembentukan secara tradisional yang dikenali sebagai *slip casting*. *Slip casting* merupakan proses pembentukan produk *bone china* dengan menuangkan slip ke atas acuan yang telah direka bentuk serta dibiarkan seketika bagi mendapatkan ketebalan yang dikehendaki. Kemudian, slip yang berlebihan akan dituang keluar dan dikeringkan. Teknik kedua pula menggunakan peralatan moden yang dikenali sebagai mesin *roller forming machine*. Mesin ini berfungsi untuk membentuk barangan *bone china* seperti pinggan dalam kuantiti yang banyak dalam masa yang singkat.

Proses yang keempat adalah proses pembakaran produk *bone china*. Jasad *bone china* yang telah siap dibentuk sama ada menggunakan kaedah *slip casting* atau *roller forming machine* yang berbentuk kepingan seperti kepingan pinggan akan dilapisi

dengan serbuk alumina untuk mengelakkan *bone china* melekat di permukaan rak pembakaran. Manakala, bentuk acuan *bone china* seperti jag dan cawan akan ditelangkupkan ke permukaan rak pembakaran.

Manakala, proses kelima adalah proses licau (*glaze*). Produk *bone china* (*flatware*) seperti mangkuk, pinggan, piring dan barangan meja yang berlubang seperti cawan, teko dan jag akan dipanaskan terlebih dahulu sebelum *bone china* disembur licau dengan lampu infra merah yang dibawa oleh penyampai. Teknik licau dilakukan melalui beberapa kaedah semburan sama ada menggunakan kaedah mencelup, kaedah semburan tangan, kaedah semburan licau serta kaedah lukisan.

Proses keenam adalah proses dekorasi produk *bone china*. Proses ini adalah proses menghias produk *bone china* dengan pelbagai dekorasi dan lukisan yang menarik. Gaya Inggeris diutamakan kerana gaya ini amat digemari oleh penggemar-penggemar *bone china*. Pemilihan pereka-pereka lukisan hendaklah terdiri daripada mereka yang pakar dan mahir. Pelbagai teknik yang digunakan termasuk teknik cetakan, lukisan tangan, teknik ukiran emas dan platinum dan sebagainya bagi mewujudkan elemen-elemen gaya Inggeris dan gaya mewah bagi setiap set *bone china*. Dekorasi yang terbaik akan mempengaruhi kadar harga penjualan *bone china* sehingga harga setiap set *bone china* boleh mencecah puluhan ribu ringgit.

Proses yang terakhir adalah proses pemilihan produk dan pemasaran *bone china*. Sebelum proses pembungkusan dilakukan, produk *bone china* yang telah siap akan dilaga-lagikan dan diteliti terlebih dahulu agar tidak berlaku sebarang kecacatan. Teknik pemasaran produk *bone china* terbahagi kepada dua iaitu pembungkusan dan

perkapalan. Kebiasaannya, pembungkusan *bone china* dimasukkan ke dalam kotak yang telah disediakan dan dibungkus dengan kemas. Setelah itu, kotak-kotak yang telah siap dibungkus akan dimasukkan ke dalam kontena-kontena aluminium sebelum bungkusan *bone china* dipindah ke dalam pelabuhan dan dimasukkan ke dalam perkapalan.

- c) Pelbagai kaedah syarak yang digunakan dalam penentuan hukum penggunaan *bone china*. Antaranya adalah al-Quran, sunnah, ijmak, qiyas, maqasid syariah, kaedah *al-istiṣhāb*, kaedah *al-iḥtiyāt*, kaedah *istiḥālah* dan kaedah-kaedah fiqh kemudian merumuskan hukum yang bersesuaian berasaskan kepada prinsip-prinsip hukum syarak.

Proses penghasilan *bone china* melibatkan dua proses yang paling utama iaitu proses pengkalsinan tulang dan proses pembakaran jasad *bone china*. Sepertimana yang dinyatakan sebelum ini, produk *bone china* berasaskan kepada serbuk abu tulang haiwan yang dicampurkan bersama dengan *kaolin* dan *Cornish stone*. Abu tulang haiwan dihasilkan melalui proses pengkalsinan tulang. Tulang-tulang haiwan akan direbus terlebih dahulu dengan suhu yang tinggi melebihi 1000°C sebelum tulang tersebut dihancurkan dan dikisar basah bagi mendapatkan saiz partikel yang halus sehingga menghasilkan pati abu tulang haiwan. Setelah itu, abu tulang dicampurkan bersama *kaolin* dan *Cornish stone*. Setelah ketiga-tiga bahan ini dicampurkan ia dikenali sebagai jasad *bone china*. Jasad *bone china* akan dibakar untuk kali yang pertama. Pembakaran ini dikenali sebagai pembakaran biskut. Kemudian, jasad *bone china* akan dibakar untuk kali yang kedua. Pembakaran ini pula dikenali sebagai pembakaran *glost*. Pembakaran *glost* bertujuan untuk memberikan ketahanan fizikal jasad *bone china*. Setelah itu, proses dekorasi akan dilakukan dan jasad *bone china* yang telah dilicau

dengan lukisan bercorak dan gaya Inggeris akan dibakar untuk kali yang ketiga. Pembakaran ini dikenali sebagai pembakaran enamel.

Penggunaan tulang haiwan dalam produk *bone china* terbahagi kepada dua pandangan. Pandangan pertama tidak mengharuskan penggunaan tulang haiwan kecuali tulang tersebut diambil daripada haiwan halal yang disembelih menepati hukum syarak. Pandangan ini adalah pandangan daripada mazhab Hanbali dan mazhab Syafii. Manakala, pandangan daripada mazhab Hanafi dan Maliki pula mengharuskan penggunaan tulang haiwan kerana tulang tidak dikategorikan sebagai najis. Walau bagaimanapun, semua ulama sepakat mengharamkan penggunaan tulang babi dalam semua aspek penggunaan di dalam kehidupan muslim. Tulang babi diharamkan secara mutlak.

Justeru, penggunaan produk *bone china* yang dicampurkan dengan tulang lembu atau tulang haiwan halal yang telah disembelih menurut hukum syarak adalah harus. Hal ini kerana, tulang yang diambil daripada haiwan yang telah disembelih adalah halal dan suci. Manakala produk *bone china* yang menggunakan campuran tulang babi ataupun campuran tulang haiwan yang tidak disembelih menurut hukum syarak pula menggunakan beberapa pendekatan keadah syarak seperti kaedah *istiḥālah*, *maqāṣid sharīʿah*, kaedah *al-istiṣḥāb* dan kaedah *al-iḥtiyāṭ* dirujuk sebagai asas pertimbangan dalam penentuan hukum penggunaan *bone china*.

Istiḥālah merupakan salah satu instrumen penyucian di dalam Islam. *Istiḥālah* melibatkan campuran antara bahan halal dan bahan haram dan kemudian menghasilkan bahan baru yang berbeza daripada zat, fizikal dan nama. Berhubung isu kepenggunaan

produk ini, *bone china* yang dihasilkan dengan campuran tulang babi atau tulang lembu yang tidak disembelih mengikut hukum syarak telah melalui proses *istiḥālah* mengikut pandangan mazhab Hanafi dan mazhab Maliki setelah melalui proses pengkalsinan dan proses pembakaran. Hal ini kerana, bahan akhir yang terbentuk adalah produk *bone china* yang tidak sama dengan bahan asal. Bahkan abu tulang babi dan abu tulang lembu telah bertukar menjadi unsur-unsur karbon seperti oksida dan kalsium fosfat. Manakala, mazhab Shafii dan mazhab Hanbali pula tidak menerima teori *istiḥālah* sebagai alternatif kaedah penyucian Islam. Kedua-dua mazhab ini agak ketat dalam mengaplikasikannya dalam isu-isu semasa. Oleh yang demikian, dalam mengaplikasikan teori *istiḥālah* terhadap produk *bone china*, kedua-dua mazhab ini tidak mengharuskan penggunaannya.

Islam membenarkan penggunaan perhiasan-perhiasan dalam kehidupan seharian. Namun, penggunaan *bone china* sebagai perhiasan atau digunakan bagi tujuan-tujuan tertentu dianggap sebagai perhiasan yang berlebih-lebihan atau dengan istilah yang lebih tepat adalah *taḥsīniyyah* secara berlebihan-lebihan. Tambahan itu, penggunaan *bone china* boleh menimbulkan sifat riyak kepada pemilik *bone china* kerana tidak semua masyarakat mampu memilikinya.

Selain itu, penggunaan *bone china* masih belum ke tahap darurat. Hal ini terbukti kerana masih terdapat banyak peralatan pinggan mangkuk yang lebih murah dan diyakini sumber asal pembuatannya. Masyarakat Islam khususnya dapat membuat pelbagai pilihan dan alternatif lain selain menggunakan produk *bone china*. Sekurang-kurangnya mengelakkan pembaziran secara berleluasa akibat daripada pembelian

produk *bone china*. Harga setiap set *bone china* adalah ribuan ringgit bahkan mampu mencecah puluhan ribu ringgit.

Masyarakat Islam sangat sensitif dengan persoalan babi sama ada melibatkan barangan makanan mahupun di dalam barangan keperluan. Umumnya, masyarakat Islam sangat ketat dalam menggunakan produk *bone china* kerana pada tanggapan mereka, semua produk *bone china* dicampurkan dengan tulang babi. Penulis ingin menegaskan di sini bahawa tidak semua produk *bone china* diperbuat daripada tulang babi, bahkan pada asalnya tulang yang digunakan adalah tulang lembu. Namun demikian, digalakkan masyarakat Islam khususnya mengambil pendekatan berhati-hati dalam penggunaan *bone china*. Pendekatan berhati-hati dalam perkara yang syubhah dan memilih perkara yang diyakini lebih diutamakan kerana dikhuatiri hukumnya cenderung kepada haram.

Beberapa kaedah fiqh yang digunakan dalam penentuan hukum *bone china* antaranya adalah:

- i. الأصل في الأشياء الإباحة
- ii. إذا تعارض حاطر ومبيح قدم الحاطر احتياطاً
- iii. إذا اجتمع الحلال والحرام غلب الحرام
- iv. إن النجاسة إذا استحالت طهرت
- v. استحالة الأحكام باستحالة الأسماء وأستحالة الأسماء باستحالة الصفات

Hasilnya, dalam meraikan semua pandangan mazhab, penentuan hukum penggunaan *bone china* terbahagi kepada dua pandangan yang utama. Pandangan pertama adalah pandangan mazhab Hanafi dan mazhab Maliki yang agak longgar dan

menerima secara terbuka tentang teori *istiḥālah*, mengharuskan penggunaan *bone china* dalam masyarakat Islam. Manakala, pandangan kedua daripada mazhab Syafii dan mazhab Hanbali menolak pengaplikasian teori *istiḥālah* dalam *bone china*.

Walau bagaimanapun, penulis berpandangan bahawa pandangan mazhab Syafii dan mazhab Hanbali lebih sesuai dipraktikkan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia berdasarkan beberapa keutamaan. Pertama, *istiḥālah* tidak diterima oleh kedua-dua mazhab ini kecuali tiga keadaan tertentu sahaja iaitu arak yang bertukar menjadi cuka secara semulajadi, proses penyamakan kulit haiwan dan berlaku kehidupan baru seperti ulat yang wujud daripada bangkai. Oleh yang demikian, kedua-dua mazhab ini menganggap proses *istiḥālah* tidak berlaku dalam proses penghasilan *bone china*.

Kedua, `urf masyarakat Melayu yang sangat sensitif terhadap penggunaan babi dalam kehidupan masyarakat Islam. Seseengah produk *bone china* sememangnya menggunakan campuran tulang babi dalam penghasilannya. Hal ini secara tidak langsung telah menimbulkan kontroversi dalam aspek penggunaan *bone china* sebagai peralatan pinggan mangkuk. Tambahan itu, pengamalan dan pengaruh mazhab Syafii sangat dominan di Malaysia. Ini jelas membuktikan bahawa pandangan mazhab Syafii lebih sesuai diamalkan di Malaysia.

Ketiga, *bone china* termasuk dalam perhiasan yang berlebih-lebihan. Hal ini diakui kerana hanya sesetengah golongan sahaja yang mampu memilikinya kerana nilai harga *bone china* yang tinggi di pasaran. Teknik pengukiran emas dan platinum yang digunakan adalah lambang kemegahan dan kemewahan pemiliknya. Penggunaan *bone*

china juga masih tidak sampai ke tahap darurat. Masyarakat Melayu masih mampu mengguna pakai peralatan pinggan dan mangkuk selain daripada produk *bone china*. Ini membuktikan bahawa penggunaan *bone china* belum sampai ke tahap kepentingan asas (*al-darūriyyah*) dalam masyarakat Islam.

Keempat, bersikap berhati-hati dalam penggunaan produk *bone china* amat digalakkan kerana dibimbangi penggunaannya akan menjerumuskan masyarakat Islam dalam perkara-perkara shubhah. Sepertimana yang diketahui bahawa Islam menggalakkan umatnya *iḥtiyāt* dalam perkara-perkara yang diragui sumber penghasilannya. Produk *bone china* yang dihasilkan daripada tulang babi atau tulang haiwan yang tidak disembelih mengikut hukum syarak telah bercampur antara bahan yang halal dan bahan yang haram. Oleh itu, masyarakat Melayu yang beragama Islam khususnya digalakkan agar tidak menggunakan produk *bone china*. Ini kerana dibimbangi penggunaannya termasuk di dalam perkara-perkara syubhah.

Kesimpulannya, penulis berpandangan penggunaan *bone china* dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia dihukumkan sebagai haram. Hal ini berlandaskan beberapa hujah yang utama, pertama; mazhab Syafii menolak aplikasi *istiḥālah*. Kedua, penggunaan *bone china* belum mencapai tahap darurat. Ketiga, *bone china* termasuk *taḥsīniyyah* secara berlebihan-lebihan. Keempat, beriḥtiyāt dalam perkara-perkara syubhah. Hujah-hujah ini memperketatkan hukum penggunaan *bone china* dalam aspek kepenggunaan Islam.

5.3 Cadangan Dan Saranan

Penelitian dan kajian terhadap *bone china* menghasilkan beberapa cadangan dan saranan kepada pihak bertanggungjawab. Antaranya:

Pertama, Unit Pemantauan dan Penguatkuasaan Bahagian Halal Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu memantapkan kajian makmal dan menggabungkan pendekatan fiqh secara terperinci. Selaras dengan kemajuan sains dan teknologi yang semakin meningkat, Kajian secara makmal mampu mengenalpasti dan menganalisis kajian dengan lebih tepat dan sistematik. Hasil yang diperoleh akan dianalisis dengan menggabungkan pendekatan fiqh semasa akan menghasilkan kajian yang sangat bernilai dan sesuai dengan peredaran masa dan realiti setempat.

Kedua, sarjana agama dan pihak bertanggungjawab dalamewartakan fatwa kebangsaan dan negeri perlu menggunakan pendekatan *ijtihad tarjīhi*. *Ijtihad tarjīhi* merupakan salah satu bentuk ijtihad yang boleh diamalkan dalam menyelesaikan isu-isu yang berbangkit di Malaysia. Pendekatan ini merupakan proses pemilihan dan menganalisis pandangan-pandangan mazhab dan berijtihad memilih pandangan yang paling *rājih* dan sesuai dengan keadaan masa dan tempat. Walau bagaimanapun, pendekatan ini kurang diamalkan di kalangan sarjana Islam dan mujtahid dalam menganalisis kes-kes yang timbul pada era kini. Pendekatan ini jarang digunakan oleh ahli-ahli majlis fatwa di Malaysia. Oleh yang demikian, penulis mencadangkan agar pendekatan ini dipergiatkan supaya fatwa-fatwa yang diwartakan sesuai dengan peredaran realiti masyarakat dan setempat. Kelemahan ini perlu diperbaiki agar ahli-ahli

majlis fatwa bersikap selektif dan memilih pandangan yang lebih praktikal untuk diamalkan sejajar dengan era kemodenan.

Ketiga, penjualan *bone china* yang terdapat di pasaran semasa perlu mendapatkan sijil halal daripada badan-badan yang bertanggungjawab, sepertimana tindakan yang diambil oleh Ketua Eksekutif di Istipitar Sdn. Bhd.. Sijil halal yang dipamerkan dapat mengelakkan keraguan dalam kalangan pengguna-pengguna Islam. Selain itu, wajib melabelkan barangan *bone china* bagi memaklumkan sumber bahan yang digunakan dan notis pemberitahuan berkaitan berhubung barangan jualan *bone china* hendaklah dipaparkan secara jelas untuk tujuan makluman dan pengetahuan pengguna.

Keempat, para pengguna yang masih meragui terhadap penggunaan *bone china*, tidak digalakkan membeli dan memilikinya kerana dikhuatiri *bone china* termasuk perkara syubhah. Sepertimana yang telah dinyatakan bahawa Islam amat menggalakkan umatnya meninggalkan perkara syubhah kerana ditakuti menghampiri kepada perkara yang haram. Oleh itu, pendekatan terbaik yang harus dilakukan sebagai pengguna adalah hak untuk memilih produk pinggan mangkuk yang diyakini seperti *Vantage*, *Corelle*, *Luminarc* dan sebagainya.

5.3 Penutup

Rumusannya, berdasarkan analisis hukum penggunaan *bone china*, penulis memecahkan kepada dua pandangan iaitu golongan yang menerima teori *istiḥālah* secara terbuka mengharuskan penggunaan *bone china* dalam kalangan masyarakat Islam. Manakala, golongan yang menyempitkan teori *istiḥālah* pula tidak mengharuskan penggunaan *bone china*. Walau bagaimanapun, masyarakat awam seharusnya mengikuti ijtiḥad yang telah ditetapkan di bawah pemerintahan di Malaysia selaras dengan pengamalan mazhab Syafii di Malaysia.